

# Kerjasama kaum pacu Misi Nasional

BH - 3/8/2006

## Permuafakatan BN satu-satunya kekuatan dimiliki negara: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Permuafakatan Barisan Nasional (BN) satu-satunya kekuatan yang dimiliki negara bagi melaksanakan Misi Nasional serta mencapai Wawasan 2020, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Pengurus BN berkata, walaupun parti komponen dalam BN berteraskan kaum, permuafakatan yang dimiliki BN membolehkan semua bangsa mencapai kejayaan.

"Tiada alternatif kepada BN. Walaupun parti pembangkang cuba beberapa kali meniru BN mereka tetap gagal," katanya pada Jamuan Perdana Sempena Ulang Tahun ke-60 MIC, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Presiden MCA,

Datuk Seri Ong Ka Ting; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden Parti Penduduk Progresif (PPP), Datuk M Kayveas.

Abdullah berkata, kejayaan yang

**“Walaupun parti komponen dalam BN berteraskan kaum, permuafakatan BN membolehkan semua bangsa mencapai kejayaan”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

dikecapi rakyat dan negara selama ini adalah kerana parti yang mewakili semua kaum berada dalam kerajaan Perikatan dan BN.

Perdana Menteri berkata, apa yang membezakan BN dengan pembangkang adalah kejayaan dicapai menerusi kerjasama, muafakat, toleransi dan rasa hormat-menghormati.

"Tak ada tipu-menipu, semua kerja dengan satu kekuatan," katanya.

Abdullah yang turut merujuk ucapan alu-aluan Samy Vellu, berkata, MIC sememangnya institusi politik yang berjaya membawa reformasi kepada masyarakat India.

Beliau berkata, kalau dulu masyarakat India dikaitkan dengan imej buruh di ladang, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Telekom, kedudukan mereka sekarang sudah berubah kepada imej dinamik.

"Inilah reformasi tulen yang be-

nar-benar membawa kejayaan masyarakat India," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu dalam ucapannya berkata, MIC bukan saja parti politik tetapi sudah menjadi institusi politik yang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memartabatkan masyarakat India.

Katanya, MIC sudah menubuhkan institusi sosial dan pendidikan seperti Institut Kemajuan Pendidikan Maju (MIED), Koperasi Didik, Kolej Tafe, Yayasan Strategik Sosial, Yayasan Pemulihan Sosial dan Asian Institute of Medicine Science Technology (AIMST).

"MIC tetap bersama BN dan MIC akan tetap setia bersama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam merealisasikan Misi Nasional," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan anugerah kepada 14 tokoh veteran parti itu.